

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

18

Nasional

Khamis, 20 Julai 2023 BH

Bas percuma ke hospital manfaatkan 31,000 rakyat

Langkah atasi kesesakan, parkir di HSA, HSI Johor Bahru

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seramai 31,000 rakyat mendapat manfaat inisiatif kerajaan negeri menerusi Pengangkutan Awam Johor (PAJ) yang menyediakan perkhidma-

tan bas ulang alik secara percuma, di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) sejak Oktober lalu.

Perkhidmatan percuma itu sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan dan masalah petak parkir kenderaan di kedua-dua hospital terbabit.

Ketua Pegawai Operasi PAJ, Fadzil Abdul Hamid, berkata pengguna bas itu dari Pasaraya Lotus Tebrau ke HSI paling ramai dengan lebih 21,000 pengguna dalam tempoh sembilan bulan.

Namun, katanya penggunaan perkhidmatan itu dari Larkin



Asman Shah (tiga dari kiri) dan Abdul Malik (dua dari kiri) menyerahkan dua mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Klinik Wafat An Nur Pasir Gudang. (Foto Omar Ahmad/BH)

Sentral ke HSA hanya merekodkan 10,000 pengguna sahaja.

Kenal pasti kawasan parkir

"Kita bersama pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sedang membuat semakan semula kawasan parkir, kerana hasil maklum balas pengguna memaklumkan kawasan parkir agak jauh dan berbayar.

"Berbanding perkhidmatan di HSI, kawasan parkir lebih dekat dengan pusingan 3 kilometer dan

percuma, selain selamat dengan kehadiran pengawal keselamatan pasar raya itu.

"Kita sudah ada dua lokasi berpotensi dijadikan tempat letak kereta bagi perkhidmatan ini ke HSA, tetapi perlu melihat faktor keselamatan dan masih pada peringkat perbincangan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Klinik Wafat An Nur Pasir Gudang yang disempurnakan Datuk Ban-

dar Pasir Gudang, Datuk Asman Shah Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif PAJ, Abdul Malik Ismail, di sini kelmarin.

Fadzil berkata, perkhidmatan itu juga ditambah baik dengan penambahan laluan di dalam kawasan dua hospital termasuk ke Klinik Kesihatan Mahmoodiah dan Klinik Kesihatan HSI.

Bas ulang-alik ini beroperasi lima hari seminggu iaitu dari Ahad hingga Khamis bermula dari jam 7 pagi hingga 6 petang.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA



DATUK Bandar Pasir Gudang, Datuk Asman Shah Abd. Rahman (tiga dari kiri) menyempurnakan majlis penyerahan mesin dialisis di Pusat Dialisis Klinik Wakaf An Nur, Pasir Gudang kelmarin.

Khidmat bas percuma di hospital dapat sambutan orang ramai

JOHOR BAHRU – Perkhidmatan bas percuma atau *shuttle bus* di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini telah memanfaatkan seramai 31,000 pengguna sejak ia beroperasi pada Oktober tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasi Pengangkutan Awam Johor (PAJ), Fadzil Abdul Hamid berkata, penggunaan di HSI seramai 21,000 orang, manakala 10,000 di HSA.

Menurut beliau, pihaknya komited untuk terus meningkatkan lagi kesedaran awam tentang perkhidmatan yang disediakan

kerajaan negeri berkenaan.

"Bagi perkhidmatan di HSI, luannya adalah melibatkan tempat letak kenderaan di pasar raya Lotus Tebrau, yang mana berjarak kira-kira 3 kilometer daripada hospital berkenaan.

"Sementara itu, bagi perkhidmatan di HSA pula, tempat letak kenderaan adalah di Larkin Sentral yang berjarak kira-kira 10 kilometer dengan hospital berkenaan. Kedua-dua perkhidmatan bas itu melibatkan masa menunggu antara 15 minit hingga 30 minit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pe-

nyerahan dua mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Klinik Wakaf An Nur di Pasir Gudang kelmarin.

Tambah Fadzil, pihaknya sedang bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk meneliti lokasi tempat letak kenderaan yang lebih bersesuaian bagi meningkatkan lagi penggunaan *shuttle bus* tersebut, khususnya melibatkan HSA.

PAJ memulakan perkhidmatan bas percuma pada Oktober tahun lalu sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan dan kekurangan tempat letak kenderaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Perkenal silibus bahaya vape di sekolah

Menyedarkan lebih ramai remaja tentang kesan buruk penggunaan rokok elektronik

Oleh NOR SYAMIRA
LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) digesa untuk mempertimbangkan silibus pelajaran berkaitan bahaya rokok elektronik atau vape diperkenalkan di sekolah rendah dan menengah.

Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, silibus tersebut akan menyedarkan lebih ramai remaja tentang kesan buruk penggunaan vape sekali gus dapat menyelamatkan golongan itu daripada terjebak dengan ketagihan.

"Perkara itu perlu dilakukan kerana statistik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi bayangan betapa seriusnya isu penggunaan vape dalam kalangan remaja ketika ini.

"Saya sendiri dapat melihat ia (vape) sangat mudah untuk didapati kerana ada dijual di pelbagai kedai dan merata tempat sehingga ke pasar malam," katanya dalam kenyataan pada Rabu.



LAM THYE

Sebelum ini, media melaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang mengemukakan cadangan kepada KPM untuk memperkenalkan sukatan pelajaran baharu berkenaan bahaya vape di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Ulas Lam Thye, penjualan vape dilihat tidak terkawal dan tanpa halangan oleh mana-mana pihak kerana sesiapa sahaja boleh membelinya.

Tambahnya, isu penjualan itu perlu diberi perhatian dengan kewujudan akta yang melarang golongan berumur di bawah 18 tahun untuk memilikinya.

"Sudah tiba masanya kita mengambil langkah yang serius bagi memastikan isu vape ini dihentikan dalam kalangan remaja.

"Seruan saya juga kepada semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar bersama-sama berkongsi pandangan tentang cara untuk memastikan vape ini berjaya dijauhkan daripada anak muda," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

Air dalam akuarium tidak selamat diminum

Tidak tepati
kriteria
penyediaan,
simpan makanan
digariskan KKM

Oleh FARHANA
ABD KADIR
SHAH ALAM



NORAZMIR



NOR AINY

Penjualan air minuman dalam akuarium sebagai daya penarik untuk melariskan jualan, tidak selamat kerana boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan.

Pakar Pemakanan Institut Farmakogenomik Integratif (IPROMISE) Universiti Teknologi Mara (UITM), Profesor Madya Dr Norazmir Md Nor berkata, bekas akuarium dan pam plastik tidak mempunyai spesifikasi dalam kategori gred makanan seperti digariskan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Jelasnya, aspek pencemaran seperti fizikal, biologi dan kimia sering diabaikan oleh peniaga semasa penyediaan makanan dan minuman.

"Menggunakan akuarium kaca dan juga pam akuarium jenis plastik atau *hanging filter* bukan dalam kategori bahan yang sesuai digunakan untuk penyediaan makanan serta minuman.

"Kaca dan silikon merupakan pencemaran fizikal serta kimia yang berupaya memberi tindak balas terhadap tubuh badan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Baru-baru ini tular di media sosial mengenai penjualan air dalam akuarium yang dikatakan tidak selamat kerana terdapat bahan kimia bahaya yang boleh menyebabkan kanser.

Menerusi hantaran di Facebook, seorang pengguna memaklumkan, akuarium kaca dan pam jenis plastik tidak menepati kriteria penyediaan dan penyimpanan makanan seperti digariskan oleh KKM.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Nor Ainy Mahyudin berkata, material yang sesuai dan selamat digunakan ialah polietilena de-



Penjualan air dalam balang akuarium tular di media sosial dan mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.

ngan ketumpatan tinggi (HDPE) sebagai tempat menjual atau menyimpan makanan.

Menurutnya, kebanyakan peniaga yang mengikuti kursus pengendalian makanan perlu lebih cakna bagi memastikan jualan mereka selamat untuk dimakan.

"Material yang tidak sesuai digunakan sebagai tempat penyimpanan berisiko untuk berlaku proses migrasi bahan kimia dan bercampur dengan bahan makanan menyebabkan masalah kesihatan.

"Kita perlu menggunakan bekas yang diklasifikasikan sesuai atau selamat bagi memastikan keselamatan makanan dan minuman," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dadah psikoaktif jadi ramuan cecair *vape*?

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Lebih 800 dadah psikoaktif baharu atau *new psychoactive substances* (NPS) dipercayai digunakan dalam cecair rokok elektronik (*vape*) yang boleh memberi kesan khayal.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Agung Majlis Penyalahgunaan Bahan Terlarang Malaysia (MASAC), Raja Azizan Ismail berkata, kesempatan itu digunakan oleh pengedar NPS berikutan ramai belia kini lebih gemar menghisap *vape* berbanding rokok.

Katanya, situasi itu mengakibatkan berlaku peningkatan penggunaan bahan kimia berbahaya dan mengkhayalkan dalam kalangan belia tetapi gagal dikesan oleh pihak berkuasa.

"Ada 800 lebih NPS. Maknanya ada bahan dadah yang mengkhayalkan tidak digazet sebagai dadah dalam negara kita, sekiranya ada individu yang mengambilnya untuk khayal, kita tidak dapat kesan."

"Salah satu penyumbang besar angka penyalahgunaan dadah adalah perkara ini. Kita terbelakang dalam usaha menangani masalah dadah ni. Seolah-olah ia bukan lagi ancaman pada negara," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Raja Azizan berkata, penggunaan NPS sukar dikesan walaupun menerusi saringan ujian air kencing.

"Kesan dan impak penggunaan NPS ini sama macam dadah-dadah lain seperti methamphetamine, ganja dan heroin tetapi sukar dikesan. NPS ini boleh dibuat seperti buat *cocktail* iaitu mereka campur mengikut apa pengguna mahu."

"Sekiranya nak rasa ganja, jadi mereka campur sehingga dapat kesan yang sama seperti penggunaan ganja," katanya.

Sehubungan itu, Raja Azizan menyarankan kepada kerajaan supaya mewajib-



Ada 800 lebih NPS. Maknanya ada bahan dadah yang mengkhayalkan tidak digazet sebagai dadah dalam negara kita, sekiranya ada individu yang mengambilnya untuk khayal, kita tidak dapat kesan."

RAJA AZIZAN ISMAIL

kan syarikat-syarikat pengeluaran cecair untuk *vape* menyenaraikan kandungan dalam produk mereka untuk mendapat pengesahan.

"Mana-mana syarikat pengeluaran cecair tersebut yang tidak mahu mengemukakan senarai bahan dalam produk mereka, kerajaan wajar merampas produk mereka supaya apa-apa yang meragukan tidak sampai ke pengguna," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga perlu mencari solusi lain selain melakukan penangkapan khususnya kepada golongan belia yang hanya mencuba bahan-bahan berkaitan dadah.

"Penagih dadah ini kalau kita kurung lima tahun sekalipun, mereka keluar akan hisap balik sebab otak mereka sudah 'rosak'. Jadj perlu mencari cara baharu dalam memberi ilmu supaya mereka tidak mengulangi perbuatan mereka," katanya.

Tambahnya, penagih dadah yang benar-benar ingin berhenti biasanya takut untuk ke hadapan dan berjumpa dengan pegawai-pegawai bertanggungjawab untuk meminta nasihat serta pertolongan kerana bimbang ditangkap.